

Systemic Lupus Erythematosus (SLE)



Mengenal Lupus

Lupus adalah radang kronik yang disebabkan penyakit auto imun dan terjadi apabila tisu badan diserang oleh sistem keimunan tubuh.

Sistem imun adalah sistem dalam tubuh yang sangat kompleks, direka bagi menentang ejen jangkitan penyakit seperti bakteria dan bendasing yang masuk ke tubuh. Bagaimanapun, bagi pesakit lupus, mereka menghasilkan antibodi abnormal dalam darah yang menasaskan tisu dalam tubuh sendiri.

Disebabkan antibodi dan sel pengering radang boleh membabitkan mana-mana tisu dalam badan, lupus berpotensi menjejaskan mana-mana kawasan tubuh. Lupus boleh menyebabkan penyakit kulit, paru-paru, jantung, buah pinggang, sendi atau sistem saraf.

Apabila serangan itu berlaku pada kulit, ia disebut lupus, tetapi apabila membabitkan organ lain, ia dikenali sebagai SLE.

Lupus lebih cenderung menyerang wanita. Ia juga cenderung menyerang mereka daripada keturunan Afrika-Amerika, Cina dan Jepun.

Faktor

- Faktor genetik meningkatkan kecenderungan menyebabkan masalah auto imun dan penyakit auto imun seperti lupus, rheumatoid arthritis dan kekacauan imun tiroid.
- Sesetengah saintis percaya, sistem imun dalam lupus mudah distimulasi oleh faktor luaran seperti virus. Kadangkala simptom lupus lebih buruk apabila

pesakit terdedah pada cahaya matahari.

- Banyak ubat-ubatan dilaporkan menjadi pencetus SLE. Kebanyakan ubat ini dikatakan menstimulasi sistem imun.
- Sistem hormon wanita juga dikaitkan dengan SLE. Hubungan hormon dengan SLE bagaimanapun masih lagi dalam kajian.
- Mutasi genetik yang mengganggu sistem 'pembuangan sampah' dalam tubuh dikaitkan dengan permulaan SLE.

Gejala



1. Ruam merah atau perubahan warna pada muka. Biasanya berbentuk rama-rama pada hidung dan mata.

2. Sendi membesar dan sakit
3. Demam tanpa sebab
4. Sakit dada ketika menarik nafas panjang
5. Kelenjar menjadi bengkak
6. Keletihan yang berlebihan
7. Keguguran rambut yang luar biasa (terutama di atas kepala)
8. Jari tangan atau kaki menjadi pucat atau berwarna ungu kerana kesejukan atau tekanan
9. Sensitif terhadap matahari
10. Sel darah rendah
11. Kemurungan, sukar menumpukan perhatian atau masalah ingatan
12. Ulser mulut
13. Sawan tanpa sebab
14. Masalah mental
15. Keguguran yang kerap
16. Masalah buah pinggang

Rawatan Lupus

Tiada rawatan kekal untuk lupus. Sasaran dalam merawat adalah mengurangkan simptom dan melindungi organ yang merosot fungsinya disebabkan radang atau tahap aktiviti auto imun dalam tubuh. Ubat-ubatan yang diberi biasanya bergantung pada simptom dan organ yang terjejas.

Pesakit yang mengalami kemerosotan fungsi organ dalaman memerlukan kortikosteroid dalam dos yang tinggi. Selain itu, mereka mengambil kombinasi ubat-ubatan lain yang menekan sistem imun tubuh manakala bagi pesakit yang mengalami masalah sendi biasanya mereka diberi ubat anti radang bukan steroid (NSAIDs).

Rujukan

- http://www.medicinenet.com/systemic_lupus/article.htm
- <http://www.lupusmalaysia.org/>
- <http://en.wikipedia.org/wiki/SLE>

Tahukah Anda

Lebih kurang 90% pengidap SLE adalah wanita sementara 10% adalah lelaki dan kanak-kanak.

Lebih kurang 90% wanita yang mengidap SLE berada di dalam lingkungan umur boleh hamil iaitu di antara 15 hingga 50 tahun.

Untuk mendapatkan lain-lain info kesihatan sila layari:



- <http://publicweb.unimap.edu.my/~ukkp/>